

**TERBUKA**

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS	:	KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN DALAM PTV
KOD KURSUS	:	MBE 22603
KOD PROGRAM	:	MBV/MBT
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI/FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB <b>SEMUA</b> SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DIJALANKAN SECARA <b>DALAM TALIAN</b> DAN DILAKSANAKAN SECARA <b>TUTUP BUKU</b></li></ol>

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT**

**SULIT**

**S1** COVID-19 menguji kepemimpinan organisasi pelbagai sektor di seluruh dunia. Ia mempunyai impak jangka panjang dan sangat mencabar. Ketidakpastian menghadapi pandemik menyukarkan organisasi dan komuniti, sekali gus menuntut pemimpin melakukan transformasi dalam corak kepemimpinan.

- a) Dengan merujuk **Rajah S1**, bincangkan salah satu teori pengurusan dalam pendidikan kepada pemimpin sekolah dalam menghadapi Pelan Pemulihan Negara dalam konteks prestasi dan motivasi guru-guru.

(15 markah)

- b) Sebagai seorang pemimpin sekolah, huraikan paradigma pengurusan perubahan yang sesuai digunakan dalam memastikan kualiti pengajaran yang diaplikasikan dalam Pelan Pemulihan Negara pada setiap fasa dapat ditingkatkan serta prestasi sekolah dapat dilestarikan.

(10 markah)

**S2** a) Jelaskan maksud teori kepimpinan transformasi serta kesan kepimpinan tersebut dalam pengurusan pendidikan masa kini.

(10 markah)

- b) Sejauh manakah politik kepimpinan memainkan peranan dalam dunia pengurusan pendidikan teknikal dan vokasional untuk pembangunan negara?

(15 markah)

**S3** *Total Quality Management* (TQM) adalah satu cara untuk meningkatkan keberkesanannya institusi TVET di Malaysia.

- a) Bincangkan konsep dan prinsip-prinsip TQM yang disesuaikan dengan sistem TVET di Malaysia.

(10 markah)

- b) Huraikan ciri-ciri sistem kualiti yang diperlukan oleh ISO 9000:2015 yang disesuaikan untuk kawalan mutu dalam sistem pendidikan TVET di Malaysia.

(15 markah)

- S4** Sebagai seorang pensyarah di Kolej Vokasional (KV), antara isu yang perlu pensyarah fikirkan dan ditambah baik adalah mengenai hubungan luar iaitu KV dengan pihak industri. Hubungan ini merupakan hubungan “win-win situation” dan amat penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran adalah selari dengan kehendak industri. Sekiranya hubungan ini berlaku, banyak manfaatnya kepada kedua-dua pihak. Antaranya, pihak industri akan mendapat bekalan tenaga kerja berkemahiran manakala pihak kolej akan mendapat suntikan teknologi. Kerjasama ini akan mencakupi bidang yang lebih luas lagi jika dapat dijalankan dengan berjaya. Oleh yang demikian, sebagai pensyarah, anda dikehendaki menjalankan analisis bagi mendapatkan penyelesaian yang dihadapi oleh KV. Huraikan setiap komponen dalam SWOT: S( Strength) ,W (Weakness), O (Opportunity) dan T(Threat) dan bagaimana pelaksanaan untuk setiap langkah tersebut.

(25 markah)

**-SOALAN TAMAT-**

**TERBUKA**

**SULIT**

MBE 22603

**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER/SESI: SEM I 2021/2022

NAMA KURSUS : KEPIMPINAN DAN  
PENGURUSAN DALAM PTV

KOD PROGRAM : MBV/MBT

KOD KURSUS : MBE 22603

**PELAN PEMULIHAN NEGARA  
PERSEKOLAHAN**

FASA	1	2	3	4
Tindakan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua institusi pendidikan ditutup</li><li>• Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara PdPR sahaja</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua institusi pendidikan ditutup</li><li>• Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara PdPR sahaja</li><li>• Hanya kelas peneriksaan boleh ke sekolah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua institusi pendidikan dibuka Institusi di bawah KPM dibuka secara berperingkat, tertakluk kepada ketetapan KPM dan penilaian risiko</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua institusi pendidikan dibuka sepenuhnya, tertakluk kepada penilaian risiko semasa</li></ul>

SIDANG MEDIA DRJ - PENGOPERASIAN SEKOLAH | 29.2021 |

Rajah S1: Pelan Pemulihan Negara

(Sumber: Sidang Media DRJ - Pengoperasian Sekolah, 2021)

BERIKUT ADALAH LAMPIRAN PADA SURAT KATAKUARAN  
PENGOPERASIAN SEKOLAH  
DENGAN KEGIATAN PENGETAHUAN DAN KONSEP  
MELAKUKAN PENGETAHUAN DAN KONSEP